

## ZAKAT DITAATI, KEBAHAGIAN DINIKMATI

Kebahagiaan merupakan matlamat hidup setiap insan. Pelbagai usaha dilakukan demi mencapai ketenangan, ketenteraman dan kepuasan dalam hidup ini. Kebahagiaan akan diperolehi apabila kita mentaati segala perintah Allah SWT termasuklah kita membantu insan lain yang dalam kesusahan seperti membayar zakat. Allah SWT akan menganugerahkan kebahagiaan dan ketenangan kepada manusia apabila mereka bersifat pemurah, prihatin dan kasih kepada orang lain. Sesungguhnya ibadat zakat yang disyariatkan kepada manusia menjanjikan kebahagiaan kepada diri dan masyarakat, kemakmuran negeri dan negara serta kejayaan di dunia dan akhirat.

Antara kebahagiaan yang dijanjikan oleh Allah SWT ialah:

1. Berzakat akan menjadikan kita hamba yang bertaqwa. Maka dengan taqwalah, Allah SWT mengurniakan kejayaan dan kemudahan dalam hidup kita di dunia dan di akhirat.
2. Sesungguhnya zakat merupakan pelaburan yang amat menguntungkan kita di akhirat kelak. Gandaan pahalanya bukan sahaja satu atau sepuluh tetapi tujuh ratus kali ganda banyaknya. Malah ia sebenarnya melebihi daripada apa yang mampu kita gambarkan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud;

**“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat)kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya”**

3. Dengan berzakat, ia merupakan jalan yang disediakan oleh Allah SWT kepada kita untuk mencapai keredhaan-Nya. Disamping itu, ia menjadi tazkiyah an-nafs untuk kita tidak lalai dan leka dengan nikmat yang diperolehi.
4. Zakat dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan kepada golongan asnaf. Disamping itu, ia merupakan bentuk penyucian harta dan jiwa bagi insan yang menunaikannya.

Kesimpulannya:

1. Umat Islam wajib mengeluarkan zakat kerana ianya sama dengan kewajipan menunaikan solat.
2. Mereka yang enggan dan menafikan kewajipan zakat boleh terkeluar daripada Islam.
3. Tunaikan zakat atas harta yang kita miliki seperti emas, wang simpanan, perniagaan, pendapatan yang diperolehi, pelaburan saham, pertanian dan penternakan demi mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.
4. Golongan yang enggan mengeluarkan zakat akan ditimpakan azab yang amat dahsyat di akhirat nanti.

Semoga artikel ini dapat memberi manfaat buat semua warga UniMAP.

**~“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui”.~**

(Q.S At-Taubah ayat 103)